

Namun begitu, jika dilihat bersekali dengan soalan (b), adalah diandaikan soalan (a) itu berkaitan dengan laporan Kajian Kepentingan Negara Mengenai Penglibatan Malaysia di dalam Rundingan Trans-Pasifik Partnership yang dilaksanakan oleh Institute of Strategic and International Studies (ISIS) dan Kajian Analisis Kos Manfaat TPP ke atas Bumiputera dan SMEs yang dilaksanakan di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Walaupun tajuk kedua-kedua kajian tersebut berbeza tetapi secara amnya kajian yang dijalankan adalah mengenai kepentingan negara dan impak TPP ke atas negara termasuk impak TPP terhadap GLC.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua kajian tersebut (ISIS dan TERAJU) kini berada di peringkat terakhir untuk menyiapkan laporan fasa pertama. Sepertimana yang pernah dimaklumkan sebelum ini, kedua-dua kajian tersebut akan dilaksanakan secara dua fasa. Fasa pertama melaksanakan analisis berlandaskan situasi di mana rundingan teks masih berlangsung, hasil kajian fasa pertama adalah bersifat interim. Manakala fasa kedua hanya akan dilaksanakan apabila teks rundingan dimuktamadkan nanti.

Taklimat mengenai hasil laporan fasa pertama bagi kedua-dua kajian ini akan disampaikan kepada Ahli-Ahli Kaukus TPP di mana Yang Berhormat Lembah Pantai juga merupakan salah seorang daripadanya apabila ianya telah selesai kelak.

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai persoalan yang ditanyakan mengenai sama ada Kaukus Parlimen TPP akan dinaiktaraf kepada Jawatankuasa Pemilih Parlimen dan bilakah proses ratifikasi akan dilaksanakan?

Ingin saya memaklumkan di sini bahawa Kaukus Parlimen TPP yang pertama kali ditubuhkan secara bipartisan untuk isu TPP. Kaukus Parlimen telah melaksanakan peranan dengan baik. Pihak Kementerian juga bekerja rapat dengan ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat sebagai Ahli Kaukus untuk tujuan konsultasi terhadap isu yang berkaitan TPP. Justeru, saya berpendapat tidak ada keperluan untuk menaiktaraf kepada Jawatankuasa Pemilih Parlimen buat masa ini.

Mengenai soalan yang ditanyakan bilakah ratifikasi akan dilaksanakan? Ingin dimaklumkan bahawa proses ratifikasi perjanjian hanya akan dijalankan pertamanya setelah rundingan ditamatkan dan keduanya setelah Perjanjian ditandatangani. Tempoh proses ratifikasi sebelum Perjanjian dilaksanakan juga berbeza bagi setiap negara anggota TPP tertakluk kepada proses domestik masing-masing. Saya tidak merasakan proses ini dapat dijalankan dalam masa yang terdekat kerana rundingan masih dijalankan dan masih banyak isu-isu tertunggak yang belum diselesaikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN
BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)

SOALAN : 55

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah projek naik taraf Jeti Kargo di Pulau Pangkor boleh dilaksanakan pada tahun 2014 dan projek harus ditawarkan kepada kontraktor tempatan atau dari negeri Perak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan tidak mempunyai perancangan menaik taraf jeti kargo di Pulau Pangkor pada tahun 2014.